PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# LAPORAN TAHUNAN 2020

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# LAPORAN TAHUNAN 2020

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Maklumat korporat | 1 |
| Anugerah & kecemerlangan | 13 |
| Petunjuk prestasi utama (KPI) | 16 |
| Prestasi pengurusan kewangan | 18 |
| Pembangunan sumber | 20 |
| Pengurusan perkhidmatan maklumat | 28 |
| Pengurusan memori korporat | 52 |
| Pengurusan kualiti | 57 |
| Pengurusan bakat | 61 |
| Aktiviti berimpak | 65 |
| Pembudayaan ilmu | 70 |
| Jalinan komuniti | 80 |
| Norma baharu | 85 |
| Jawatankuasa penerbitan | 89 |


UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# SENARAI JADUAL


| | |
|---|---|
| **Jadual 1** | Perbandingan peruntukan perolehan pembangunan koleksi tahun 2019 dan 2020 |
| **Jadual 2** | Prestasi perbelanjaan tahun 2020 |
| **Jadual 3** | Koleksi mengikut kategori tahun 2020 |
| **Jadual 4** | Perbandingan koleksi mengikut kategori tahun 2019 dan 2020 |
| **Jadual 5** | Langganan majalah tahun 2020 |
| **Jadual 6** | Perbandingan perbelanjaan pangkalan data tahun 2019 dan 2020 |
| **Jadual 7** | Pangkalan data langganan KPT tahun 2020 |
| **Jadual 8** | Pangkalan data langganan PLH tahun 2020 |
| **Jadual 9** | Pembaharuan pangkalan data langganan PLH tahun 2020 dan 2021 |
| **Jadual 10** | Kotak sumbangan bahan di kedai buku tahun 2020 |
| **Jadual 11** | Perbandingan kategori bahan disahkan tahun 2019 dan 2020 |
| **Jadual 12** | Lawatan agensi ke PLH tahun 2020 |
| **Jadual 13** | Pameran fizikal tahun 2020 |
| **Jadual 14** | Sesi demo dan latihan pangkalan data tahun 2020 |
| **Jadual 15** | Perbandingan pengunjung fizikal dan penggunaan ruang mengikut kampus tahun 2019 dan 2020 |
| **Jadual 16** | Bahan memori korporat tahun 2019 dan 2020 |
| **Jadual 17** | Senarai temubual staf dan alumni KUTKM/UTeM |
| **Jadual 18** | ‘Talkshow@Library’ tahun 2020 |
| **Jadual 19** | Senarai aktiviti ‘Saya Tahu, Saya Kongsi’ |
| **Jadual 20** | Senarai aktiviti resensi buku |


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# SENARAI RAJAH


| | |
|---|---|
| **Rajah 1** | Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan PLH tahun 2020 |
| **Rajah 2** | Perbandingan Program Literasi Maklumat tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 3** | Bilangan peserta mengikut modul tahun 2020 |
| **Rajah 4** | Perbandingan agensi dan pelawat tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 5** | Perbandingan pameran tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 6** | Perbandingan sesi, peserta dan pangkalan data tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 7** | Perbandingan Perkhidmatan Pakej Maklumat tahun 2016 hingga tahun 2020 |
| **Rajah 8** | Perbandingan Perkhidmatan Konsultasi Penyelidikan tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 9** | Perbandingan Perkhidmatan *Ask A Librarian* tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 10** | Pertanyaan mengikut kategori melalui *Ask A Librarian* tahun 2020 |
| **Rajah 11** | Perbandingan peminjaman bahan tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 12** | Perbandingan aktiviti Read@Uni mengikut kategori tahun 2019 dan 2020 |
| **Rajah 13** | Perbandingan peserta 'Talkshow@Library' tahun 2019 dan 2020 |



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# MAKLUMAT KORPORAT

01

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERUTUSAN
# TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN


## Azman Hj Ayup
### Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
### Perpustakaan Laman Hikmah




**Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.**

Syukur alhamdulillah, dengan izinNya Laporan Tahunan 2020 berjaya diterbitkan untuk rujukan semua pihak. Tahun 2020 menyaksikan pandemik COVID-19 melanda dunia. Ini tidak menghalang PLH dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang komprehensif kepada warga Universiti. Norma baharu diterapkan sesuai dengan landskap pengajaran dan pembelajaran secara hibrid di UTeM.

Koleksi PLH semakin meningkat bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Sehingga Disember 2020, koleksi PLH adalah sebanyak 3,114,734 naskhah yang terdiri daripada 122,694 naskhah monograf, 2,947,487 naskhah e-book/e-journal, 26,821 naskhah majalah dan 17,732 salinan bahan media.

PLH juga meraikan sambutan dua dekad penubuhan UTeM dengan mengadakan pertandingan kongsi foto, montaj, video dokumentari, dan temubual penggerak awal KUTKM/UTeM. Saluran komunikasi PLH dimantapkan lagi dengan Telegram Channel Info Perpustakaan Laman Hikmah kepada pengguna. PLH komited menyediakan aktiviti bantuan penyelidikan seperti Program Literasi Maklumat, demo pangkalan data, bengkel penulisan jurnal, *Publisher Talk*, *Guide to Getting Published*, perkhidmatan Pakej Maklumat dan perkhidmatan Konsultasi Penyelidikan bagi menyokong penarafan dan pengauditan UTeM di peringkat nasional dan antarabangsa. Aktiviti pembudayaan ilmu juga dipergiatkan dengan aktiviti 'Saya Tahu, Saya Kongsi', Resensi Buku, Jom Baca Bersama 10 Minit, Sembang Buku Bersama Penulis dan 'Talkshow@Library' yang seiring dengan matlamat Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 dan Read@Uni.

PLH turut melaksanakan program khidmat masyarakat di Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Paya Rumput, Melaka dan Pusat Sumber Sekolah Ibnu Khaldun, Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, Melaka.

Akhir kata, saya berdoa kesepakatan dalam PLH terus disemat kukuh di sanubari semua staf PLH, demi merealisasikan kelangsungan dan keterlihatan PLH ke puncak kejayaan.

Terima kasih.

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENUBUHAN PERPUSTAKAAN

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ditubuhkan selaras dengan penjenamaan semula Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan 2007) yang telah diwartakan sebagai P.U. (A) 45/2007 pada 1 Februari 2007.**

Perpustakaan berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu bagi warga UTeM dan mula memberikan perkhidmatannya pada 10 Jun 2001 bersempena dengan pendaftaran pelajar perintis seramai 348 orang di Kampus Sementara, Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, Melaka.

Pada 5 September 2005, Perpustakaan telah berpindah dari Kampus Sementara ke Kampus Industri dan telah beroperasi sejak 12 September 2005. Manakala perpustakaan di Kampus Industri yang berkeluasan 2,229 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 400 orang pada satu masa.

Perpustakaan di Kampus Induk pula menyediakan kapasiti 120 tempat duduk dalam satu masa dengan keluasan ruang 432 meter persegi. Ini bagi menampung keperluan mahasiswa dari dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Perpustakaan juga telah membuka cawangan di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah, Melaka pada 01 Oktober 2007. Ia menyediakan kemudahan rujukan untuk pelajar pasca siswazah yang mengikuti kursus di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) dan kursus-kursus jangka panjang atau pendek Universiti. Perpustakaan cawangan ini boleh menampung kapasiti pengguna seramai 73 orang dalam satu masa.

Pada 8 Julai 2009, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah berpindah dari Kampus Industri ke bangunan baru di Kampus Induk, Durian Tunggal dan mula beroperasi sepenuhnya pada 29 September 2009. Ia telah ditutup pada 16 Januari 2019 dan digabungkan bersama Perpustakaan Kampus Teknologi.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Perpustakaan Laman Hikmah di Kampus Induk yang berkeluasan 10,063.68 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 500 orang pada satu-satu masa. Seiring dengan pengoperasian perpustakaan ke bangunan baru di Kampus Induk, Perpustakaan Laman Hikmah Cawangan Kampus Industri telah ditutup pada 3 September 2009.

Pada 21 April 2011, Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Industri telah beroperasi semula seiring dengan penubuhan Kampus Teknologi yang menempatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Dengan keluasan 2,229 meter persegi, Perpustakaan Laman Hikmah boleh menampung kira-kira 400 pengguna.

Perpustakaan Laman Hikmah mempunyai koleksi lebih daripada 115,000 judul termasuk 13 langganan tajuk pangkalan data yang merangkumi bahan kejuruteraan yang berkaitan dengan bidang teras Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik dan Komputer, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan,Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan. Di samping itu, terdapat juga koleksi bidang saintifik lain seperti Fizik, Kimia, Matematik dan bacaan umum.

Untuk memenuhi keperluan pengguna, PLH menyediakan perkhidmatan seperti Pembaharuan Dalam Talian, Pinjaman Antara Perpustakaan, Program Literasi Maklumat, Pameran Perpustakaan, 'Order n Collect' dan lain-lain. Untuk menyokong aktiviti penyelidikan, PLH juga menyediakan perkhidmatan Pempakejan Maklumat dan Konsultasi Penyelidikan selaras dengan matlamat untuk memperkasakan penyelidikan Universiti. Selain daripada perkhidmatan, PLH turut menyediakan kemudahan seperti bilik perbincangan, bilik tayangan, bilik karel, iPad, hoverboard dan sebagainya. PLH juga prihatin dengan Generasi Milenia dan Generasi Y dengan mengadakan konsep baru yang lebih santai, interaktif dan kondusif bagi pengguna untuk mempertingkatkan penggunaan perpustakaan secara optimum sebagai tempat pertemuan dan sebagai rumah kedua.

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN UTeM

**Penjenamaan semula perpustakaan ini bertujuan untuk meningkatkan imej korporat dan memperkasakan lagi fungsi perpustakaan sebagai pusat kecemerlangan ilmu di samping dapat meningkatkan reputasi dan kredibiliti Universiti secara amnya.**

Penjenamaan semula Perpustakaan UTeM kepada Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) bermula apabila satu Pertandingan Penamaan Bangunan-bangunan dan Tasik di Kampus Induk UTeM telah diadakan pada 26 Februari hingga 25 Mac 2016 dan terbuka khususnya kepada staf dan pelajar UTeM.

Pertandingan ini terbahagi kepada lima kategori yang meliputi Bangunan Dewan Besar, Bangunan Perpustakaan, Bangunan Kompleks Sukan, Bangunan Kolej Kediaman Pelajar dan Tasik. Mesyuarat Majlis Eksekutif bilangan 2, tahun 2017 yang bersidang pada 16 Februari 2017 telah memutuskan bahawa nama Laman Hikmah akan menggantikan nama Perpustakaan UTeM. Ia merujuk kepada fungsi perpustakaan yang telah berubah bukan sahaja menjadi gedung ilmu malah menjadi tempat pertemuan untuk warga UTeM.

Nama Laman Hikmah secara rasminya telah dilancarkan bersama nama Dewan Canselor dan nama-nama tasik oleh Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Yaakob, Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM pada 14 September 2017 dalam Majlis Pelancaran Nama Bangunan dan Tasik UTeM serta Perasmian Pesta Buku & Multimedia UTeM 2017 di Dewan Canselor UTeM.

Manakala Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan 11 tahun 2017 yang bersidang pada 23 November 2017 telah meluluskan Perpustakaan UTeM dijenamakan semula sebagai Perpustakaan Laman Hikmah. Pekeliling Pentadbiran Bilangan 58, tahun 2017 iaitu Penjenamaan Semula Perpustakaan Kepada Perpustakaan Laman Hikmah UTeM telah dihebahkan kepada warga Universiti untuk rujukan dan makluman.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| | |
|---|---|
| **VISI** | Menjadi pusat maklumat yang terunggul, komprehensif dan kompetitif dalam bidang teknikal. |

| | |
|---|---|
| **MISI** | Menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti. |

## PIAGAM PELANGGAN

“Kami warga Perpustakaan Laman Hikmah berjanji dan beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkualiti dengan mengutamakan kepuasan pelanggan.”

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# OBJEKTIF

- Memenuhi keperluan maklumat Universiti dengan menyediakan maklumat yang menepati keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.
- Menyedia dan mempromosi perkhidmatan maklumat kepada pelanggan.
- Meningkatkan kecekapan penyebaran ilmu dan maklumat kepada pelanggan.
- Memupuk budaya ilmu di kalangan warga UTeM dan luar UTeM sebagai masyarakat berpengetahuan.
- Membentuk warga Universiti berfikiran kreatif dan inovatif dalam melahirkan ahli profesional yang berketrampilan seiring dengan misi UTeM.



# PENGURUSAN
# PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH



**Azman** Hj. Ayup
**Timbalan Ketua**
**Pustakawan Kanan**

UTeM
اونيۏرسيتي تيکنيکل مليسيا ملاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**Arman** Mohammad
**Timbalan**
**Ketua Pustakawan**



**Siti Saluwa** Jamal
**Timbalan**
**Ketua Pustakawan**



**Rasida** Abu Bakar
**Pustakawan Kanan**



**Mahadir** Che Ali
**Pustakawan Kanan**



**Mohd Mawardi** Badruddin
**Pustakawan Kanan**



**Fauziah** Hassan
**Pustakawan Kanan**



**Nurul Akmar** Mehat
**Pustakawan Kanan**



**Haruirizam** Mohamed@Ghazali
**Pustakawan Kanan**



**Hasliza** Mohamed
**Pustakawan Kanan**



**Zaidi** Saad
**Pustakawan Kanan**

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**Noraini** Mohd Noor
**Pustakawan Kanan**



**Mohd Razif** Dzulkipli
**Pustakawan Kanan**



**Norshahila** Che Din
**Pustakawan Kanan**



**Wizana** Abd. Jalil
**Pustakawan Kanan**



**Mez Zelina** Yusof
**Pustakawan Kanan**



**Nor Ilyah** Othman
**Pustakawan**



**Norazizah** Md Tahir
**Pustakawan**

# STRUKTUR ORGANISASI
# PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

- **BAHAGIAN DASAR & PENTADBIRAN**
  - **SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**
    Suhadawati Ahmad (N41)
    - UNIT PENTADBIRAN
      Norziyana Hanipah (N22)
      Yang Sarinah Mohd Talib (N19)
      Muaat Muji (N14)
    - UNIT KEWANGAN
      Ezra Anish Mustapa (W29)
      Hafizah Mohd Taher (W19)
  - **SEKSYEN PENGURUSAN STRATEGIK, DASAR DAN KUALITI**
    Mez Zelina Yusof (S44)
    Ahmad Abu Bakar (S22)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- **KOSONG (S54)**
  - **TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN** — Azman Hj. Ayup (S52)
    - **Setiausaha Pejabat** — Nur Syahidah Nor Nazari (N29)
    - **BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER** — Arman Mohammad (S48)
      - **SEKSYEN MONOGRAF** — Mahadir Che Ali (S44)
        - UNIT BUKU
          - Mohd Razif Dzulkipli (S44) - KU
          - Muhammed Rashid Mat Derus (S22)
          - Mi Azian Ab Karim (S22)
          - Nur Azirah Mohamad Arif (S19)
        - UNIT KOLEKSI UTeM, HADIAH & PERTUKARAN
          - Rohana Hashim (S22)
          - Norfahrizan Juhari (S22)
          - Mohd Hannif Jamaludin (S19)
      - **SEKSYEN SUMBER ELEKTRONIK** — Fauziah Hassan (S44)
        - UNIT PANGKALAN DATA & JURNAL
          - Norazizah Md Tahir (S41) - KU
          - Muhamad Hafeez Zainuddin (S29)
          - Mohd Syahrizal Razali (S19)
    - **BAHAGIAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT** — Siti Saluwa Jamal (S48)
      - **SEKSYEN RUJUKAN** — Mohd Mawardi Badruddin (S44)
        - UNIT BANTUAN PENYELIDIKAN
          - Nor Ilyah Othman (S41) - KU
          - Suzana Lazim (S22)
          - Norfazlin Tambi Chek (S22)
        - UNIT INFORMASI & PROMOSI
          - Norshahila Che Din (S44) -KU
          - Nor Aini Md Jali (S22)
          - Nik Syukran Muiz Rashid (S22)
          - Mohd Siddiq Azizi Jais (S19)
      - **SEKSYEN SIRKULASI** — Harulrizam Mohamed (S44)
        - UNIT PENGURUSAN FASILITI
          - Noor Rahman Jamiah Jalil (S22)
          - Thaqif Mohd Isa (S19)
          - Mohamad Azhari Johari (S19)
        - UNIT PERKHIDMATAN KOLEKSI & PENGGUNA — Zaidi Saad (S44) - KU
          - KAMPUS INDUK
            - Kamariah Kamis (S22)
            - Hafizah Mohamad (S19)
            - Shazley Sahibuddin (S19)
          - KAMPUS CAWANGAN
            - Zuraidah Amar (S29)
            - Siti Syahirah Ab Rahim (S19)
            - Nurul Atika Harudin (S19)
            - Mohd Zulfahdli Razaly (S19)
            - Mohd Tarmizi Othman (S19)
    - **BAHAGIAN PERKHIDMATAN DIGITAL** — Rasida Abu Bakar (S44/S48)
      - **SEKSYEN AUTOMASI** — Wizana Abd Jalil (S44)
        - UNIT SISTEM & APLIKASI PERPUSTAKAAN
          - Mohd Ikbar Abdul Jabbar (J29)
        - UNIT WEB & MULTIMEDIA
          - Noraini Mohd Noor (S44) - KU
          - Norhairol Khalid (S22)
          - Zulkarnaen Mahat (S22)
      - **SEKSYEN REPOSITORI** — Nurul Akmar Mehat (S44)
        - UNIT DIGITAL
          - Hasliza Mohamed (S44) - KU
          - Sabariah Ismail (S22)
          - F. Haslinda Harun (S22)
          - Jumakyah Yacoob (S22)
          - Mohd Nazir Taib (S22)
          - Norfaradilla Idayu Ab Ghafar (S19)
        - UNIT MEMORI KORPORAT
          - Nooraidillah Rasdi (S22)
          - Ahmad Tarmizi Abdul Hadi (S19)
          - Suhaizri Kamaruddin (S19)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# STAF
# PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

1
**SKIM J**
1 Pelaksana

2
**SKIM W**
2 Pelaksana

5
**SKIM N**
4 Pelaksana
1 Pengurusan & Profesional

53
**SKIM S**
35 Pelaksana
18 Pengurusan & Profesional

**61 orang staf**

Pegawai Separa Profesional & Sokongan **69%**

Pegawai Profesional **31%**

| | | |
|---|---|---|
| ➢ Timbalan Ketua Pustakawan Kanan | S52 | 1 |
| ➢ Timbalan Ketua Pustakawan | S48 | 2 |
| ➢ Pustakawan Kanan | S44 | 13 |
| ➢ Pustakawan | S41 | 2 |
| ➢ Penolong Pendaftar | N41 | 1 |
| ➢ Penolong Pustakawan | S29 | 2 |
| ➢ Ketua Pembantu Pustakawan | S26 | 1 |
| ➢ Pembantu Pustakawan Kanan | S22 | 17 |
| ➢ Pembantu Pustakawan | S19 | 15 |
| ➢ Penolong Jurutera | J29 | 1 |
| ➢ Penolong Akauntan | W29 | 1 |
| ➢ Pembantu Akauntan | W19 | 1 |
| ➢ Setiausaha Pejabat | N29 | 1 |
| ➢ Pembantu Tadbir Kanan | N22 | 1 |
| ➢ Pembantu Tadbir | N19 | 1 |
| ➢ Pembantu Operasi | N11 | 1 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# ANUGERAH & KECEMERLANGAN

13

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020



**Nurul Akmar Mehat**
Pustakawan Kanan
S44



**Mohd Razif Dzulkipli**
Pustakawan Kanan
S44



**Nor Aini Md Jali**
Pembantu Pustakawan Kanan
S22



**Ezra Anish Mustapa**
Penolong Akauntan
W29

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KENAIKAN PANGKAT



**Norhairol Khalid**
Ketua Pembantu Pustakawan
S26

## PENARAFAN BINTANG LAMAN WEB PTJ 2020

Laman Web PLH telah diiktiraf sebagai laman web PTj UTeM tahun 2020 yang memperolehi lima (5) bintang. Perpustakaan Laman Hikmah dan Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP) telah memperolehi markah penuh dan berkongsi kedudukan pertama. Sebanyak 39 penyertaan telah dinilai dalam pertandingan tersebut. Keputusan pertandingan telah diumumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Bil.1/ 2021 yang berlangsung pada 25 Februari 2021. Berikut adalah pencapaian PLH dalam pertandingan laman web PTj:

| Tahun | Pencapaian | Penyelaras |
|---|---|---|
| 2020 | Tempat Pertama | Noraini Mohd Noor |
| 2019 | Tempat Pertama | Mahadir Che Ali |
| 2018 | Tempat Kelima | Mahadir Che Ali |
| 2017 | Tempat Pertama | Mahadir Che Ali |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

16

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PLH tahun 2020 secara keseluruhannya adalah 81.36%. KPI ini mengandungi 30 KPI utama mengikut bahagian seperti berikut:




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

18

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2020, pihak Pengurusan dan Pejabat Bendahari telah meluluskan peruntukan sebanyak RM96,574.71 bagi bajet mengurus (KW01 dan KW07). Manakala bagi bajet komited (KW01), kelulusan peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM3,199,242.23. Prestasi keseluruhan perbelanjaan PLH adalah 99.6%.




| | KW 07 MENGURUS (RM) | KW 01 MENGURUS (RM) | KW 01 KOMITED (RM) |
|---|---|---|---|
| PERUNTUKAN | 75,774.71 | 20,800.00 | 3,199,242.23 |
| PERBELANJAAN | 74,892.31 | 20,771.40 | 3,199,223.94 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Rajah 1** Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan PLH tahun 2020

# PEMBANGUNAN SUMBER

20

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PERUNTUKAN PEROLEHAN PEMBANGUNAN KOLEKSI

Pada tahun 2020, Bahagian Pembangunan Sumber (BPS) mengalami pengurangan peruntukan sebanyak 4.3% berbanding tahun 2019 untuk perolehan pangkalan data, buku dan majalah.

| Perkara | 2019 (RM) | 2020 (RM) |
|---|---|---|
| Pangkalan Data | 3,300,000.00 | 3,300,000.00 |
| Buku | 300,000.00 | 150,000.00 |
| Majalah | 3,850.00 | 4,500.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **3,603,850.00** | **3,454,500.00** |

**Jadual 1** Perbandingan peruntukan perolehan pembangunan koleksi tahun 2019 dan 2020

## PERBELANJAAN

BPS telah mencatatkan peningkatan prestasi perbelanjaan sebanyak 34% berbanding tahun 2019 adalah seperti berikut:

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Perkara | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Baki (RM) | Peratus Perbelanjaan % |
|---|---|---|---|---|
| Pangkalan Data | 3,300,000.00 | 3,098,630.54 | 201,369.46 | 93.9 |
| Buku | 150,000.00 | 111,542.21 | 38,457.79 | 74.36 |
| Majalah | 4,500.00 | 3,690.00 | 810 | 82 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **3,454,500.00** | **3,213,862.75** | **240,637.25** | **93** |

**Jadual 2** Prestasi perbelanjaan tahun 2020

## KOLEKSI PLH

Jumlah kumulatif koleksi PLH pada tahun 2020 adalah sebanyak 3,114,734 naskhah telah disediakan kepada warga universiti bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan adalah seperti berikut:

| Kategori | Jumlah |
|---|---|
| *eBook/eJournal/*dll | 2,947,487 |
| Monograf | 122,694 |
| Majalah | 26,821 |
| Media | 17,732 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **3,114,734** |

**Jadual 3** Koleksi mengikut kategori tahun 2020

Koleksi PLH mengikut kategori buku, jurnal bercetak dan media telah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.3% berbanding tahun 2019 adalah seperti berikut:

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Kategori | 2019 | | 2020 | |
|---|---|---|---|---|
| | Judul | Naskhah | Judul | Naskhah |
| Buku | 110,121 | 119,631 | 112,851 | 122,694 |
| Jurnal Bercetak | 4,990 | 26,614 | 5,007 | 26,821 |
| Media | 14,221 | 15,630 | 16,320 | 17,732 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **129,332** | **161,875** | **134,178** | **167,247** |

**Jadual 4** Perbandingan koleksi mengikut kategori tahun 2019 dan 2020

| Bil. | Judul |
|---|---|
| 1 | OIC Today Magazine |
| 2 | Dewan Ekonomi |
| 3 | Dewan Kosmik |
| 4 | Dewan Siswa |
| 5 | Impiana |
| 6 | Majalah Pa&Ma |
| 7 | Solusi |
| 8 | Business Today |
| 9 | Dewan Masyarakat |
| 10 | Forbes Asia |
| 11 | Journal Institution of Engineering Malaysia |
| 12 | Jurutera: Buletin Bulanan IJM |
| 13 | National Geographic |
| 14 | PC.Com |
| 15 | Keluarga |
| 16 | Businessweek |
| 17 | Fortune |
| 18 | The Economist |
| 19 | Time |

**Jadual 5** Langganan majalah tahun 2020

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## LANGGANAN PANGKALAN DATA

Seksyen Sumber Elektronik (SSE) telah mencatatkan 47% perbelanjaan pangkalan data berbanding tahun 2019 adalah seperti berikut:

| Perkara | 2019 | 2020 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Peruntukan | 3,300,000.00 | 3,300,000.00 |
| Perbelanjaan | 2,110,262.86 | 3,098,630.54 |

**Jadual 6** Perbandingan perbelanjaan pangkalan data tahun 2019 dan 2020

SSE juga telah melanggan sebanyak 14 pangkalan data yang merangkumi e-journal, e-book dan perkhidmatan berbanding 10 pangkalan data pada tahun 2019. Sebanyak tiga (3) pangkalan data yang dilanggan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Pusat Sitasi & Infometrik (PSI) dan boleh diakses oleh Universiti Awam adalah seperti berikut:

| Bil. | Pangkalan Data | Kategori | Pembekal |
|---|---|---|---|
| 1 | Ebscohost (Academic Search Complete) | *e-Journal* | Ebscohost |
| 2 | Scopus | Perkhidmatan | Elsevier |
| 3 | ProQuest Dissertations & Theses (PQDT) (sehingga April 2020) | *e-Book* | Proquest Sdn. Bhd. |

**Jadual 7** Pangkalan data langganan KPT tahun 2020

| Bil. | Pangkalan Data | Kategori | Pembekal |
|---|---|---|---|
| 1 | IEEE Xplore | *e-Journal* | United Technology Sdn. Bhd. |
| 2 | Emerald Insight | | Emerald Publishing |
| 3 | ScienceDirect | | Elsevier |
| 4 | Ebscohost H.W.Wilson | | Ebscohost |
| 5 | ACM Digital Library | | Access Dunia Sdn. Bhd. |
| 6 | ASME Digital Collection | | Access Dunia Sdn. Bhd. |
| 7 | Access Engineering | *e-Book* | Access Dunia Sdn. Bhd. |
| 8 | Proquest ebook Central (Ebrary) | | |
| 9 | Knovel | | Elsevier |
| 10 | Proquest Dissertation and Theses | | Proquest Sdn. Bhd. |
| 11 | Serials Solution Summon | Perkhidmatan | Access Dunia Sdn. Bhd. |
| 12 | Turnitin | | Apex Knowledge Sdn. Bhd. |
| 13 | Journal Citation Reports (JCR) | | Clarivate Analytics |
| 14 | Web of Science (WoS) | | Clarivate Analytics |

**Jadual 8** Pangkalan data langganan PLH tahun 2020

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pada tahun 2020, proses pembaharuan lapan (8) pangkalan data untuk langganan tahun 2021 tidak dapat diteruskan berikutan langkah penjimatan Universiti adalah seperti berikut:

| Bil. | Pangkalan Data | Pembaharuan Langganan 2020 | Pembaharuan Langganan 2021 |
|---|---|---|---|
| 1 | IEEE Xplore | / | / |
| 2 | Emerald Insight | / | / |
| 3 | ScienceDirect | / | / |
| 4 | Proquest Dissertation and Theses | / | / |
| 5 | Turnitin | / | / |
| 6 | Journal Citation Reports (JCR) | / | / |
| 7 | Ebscohost H.W.Wilson | / | x |
| 8 | ACM Digital Library | / | x |
| 9 | ASME Digital Collection | / | x |
| 10 | Access Engineering | / | x |
| 11 | Proquest ebook Central (Ebrary) | / | x |
| 12 | Knovel | / | x |
| 13 | Serials Solution Summon | / | x |
| 14 | Web of Science (WoS) | / | x |

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jadual 9** Pembaharuan pangkalan data langganan PLH tahun 2020 dan 2021

## KEMPEN SUMBANGAN BAHAN BACAAN

Seksyen Monograf meneruskan kempen sumbangan bahan bacaan yang bertemakan "Keep A Book Alive" pada tahun 2020. Kempen ini merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi peluang kepada warga UTeM untuk berkongsi bahan bacaan dan membudayakan sikap cintakan buku di kalangan masyarakat. Selain itu, kempen ini dapat mempelbagaikan koleksi bahan perpustakaan dan meningkatkan jaringan perkongsian maklumat di antara pengguna dan perpustakaan.

Antara strategi kempen yang dilaksanakan adalah dengan meletakkan kotak sumbangan bahan di enam (6) kedai buku adalah seperti berikut:

| Bil. | Lokasi | Bahan Bacaan | | Tarikh Pengumpulan |
|---|---|---|---|---|
| | | Judul | Naskhah | |
| 1 | Popular Bookstore | 30 | 31 | 18.03.20 hingga 09.06.20 |
| 2 | Kedai Buku Salleh Mohammed | 10 | 10 | |
| 3 | Thai Kuang Book Store | 25 | 25 | |
| 4 | Kedai Buku Koperasi DBP | 0 | 0 | 14.09.20 hingga 13.11.20 |
| 5 | Popular Bookstore Co. | 124 | 140 | |
| 6 | Gallery Bookstore | 85 | 100 | |
| Jumlah | | 274 | 306 | |

**Jadual 10** Kotak sumbangan bahan di kedai buku tahun 2020



## REPOSITORI INSTITUSI UTeM (IR UTeM)

PLH telah diiktiraf dan dipertanggungjawabkan sebagai pusat repositori institusi UTeM (IR UTeM) pada tahun 2009. Peranan utama PLH merangkumi aspek pengumpulan, penyimpanan dan pemeliharaan bahan penerbitan, penyelidikan dan koleksi UTeM dalam format digital. Pada tahun 2019, IR UTeM telah diwujudkan kepada dua (2) platform seperti berikut:

| Platform | Repositori Institusi UTeM | Koleksi Digital UTeM |
|---|---|---|
| Kategori Bahan | Artikel, seminar, bab dalam buku, paten, buku dan tesis | Projek Sarjana Muda, pameran, gambar, video, audio, teks ucapan Naib Canselor dan lain-lain |
| Pautan | http://eprints.utem.edu.my/ | http://digitalcollection.utem.edu.my/ |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Bil. | Kategori Bahan | 2019 | 2020 |
|---|---|---|---|
| 1 | Monograf | 11,173 | 11,890 |
| 2 | Artikel | 3,411 | 3,987 |
| 3 | *Teaching Resource* | 1,743 | 1,743 |
| 4 | Seminar/Workshop | 1,667 | 1,667 |
| 5 | Tesis | 1,292 | 1,408 |
| 6 | Teks Ucapan Naib Canselor | 294 | 298 |
| 7 | Buku | 136 | 136 |
| 8 | Bab Dalam Buku | 121 | 121 |
| 9 | Lain-lain | 87 | 43 |
| 10 | Video | 26 | 26 |
| 11 | Paten | 23 | 23 |
| 12 | Pameran | 6 | 6 |
| 13 | Gambar | 4 | 4 |
| 14 | Audio | 1 | 1 |
| | **Jumlah** | **19,984** | **21,353** |

**Jadual 11** Perbandingan kategori bahan disahkan tahun 2019 dan 2020

# PENGURUSAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT

# 28

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

Program Literasi Maklumat (PLM) adalah penjenamaan semula bagi Program Pendidikan Pengguna (PPP) sebelum ini. PLM bertujuan memberi pendedahan kepada pengguna untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran maklumat dalam menggunakan secara optimum sumber koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PLH. PLM juga mengandungi tujuh (7) modul yang disediakan kepada pengguna PLH adalah seperti berikut:

1) *Introduction to Library*
2) *Information Searching Skills*
3) *Mendeley*
4) *Turnitin*
5) *Literature Search*
6) *Open Access*
7) *Research Support for GRA/RA/SRA*

Lanjutan daripada pandemik COVID-19, bermula pada April 2020 PLM telah dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian melalui platform Webex. Jumlah sesi yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 58 sesi berbanding 52 sesi pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, jumlah penyertaan peserta pada tahun 2020 adalah menurun sebanyak 40% berbanding tahun 2019.

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Rajah 2** Perbandingan Program Literasi Maklumat tahun 2019 dan 2020




**Rajah 3** Bilangan peserta mengikut modul tahun 2020

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## LAWATAN AKADEMIK KE PLH

Saban tahun, PLH menerima lawatan daripada agensi luar bagi tujuan penandaarasan, perkongsian dan sebagainya. Lawatan ini telah meningkatkan hubungan strategik, membina kerjasama dan ketampakan PLH kepada masyarakat.

Jumlah pelawat pada tahun 2020 adalah seramai 147 orang berbanding 767 orang pada tahun 2019. Manakala jumlah agensi yang membuat lawatan adalah 4 agensi berbanding 22 agensi pada tahun 2019. Penurunan mendadak ini adalah disebabkan oleh polisi PLH yang tidak menerima permohonan lawatan agensi. Ia bermula pada Mac sehingga Disember 2020 berikutan dengan penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

| Bil. | Agensi | Tarikh | Pelajar | Guru Pengiring/ Staf | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kolej Vokasional Melaka Tengah Siri 1 | 17.01.20 | 49 | 8 | 57 |
| 2 | Kolej Vokasional Melaka Tengah Siri 2 | 11.02.20 | 25 | 5 | 30 |
| 3 | Persatuan Wanita PERKIM Melaka | 11.02.20 | - | 50 | 50 |
| 4 | Kolej Vokasional Juasseh Negeri Sembilan | 25.02.20 | 6 | 4 | 10 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **80** | **67** | **147** |

**Jadual 12** Lawatan agensi ke PLH tahun 2020




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Rajah 4** Perbandingan agensi dan pelawat tahun 2019 dan 2020



**17.01.20**
Lawatan pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah Siri 1



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**11.02.20**
Lawatan pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah Siri 2



**11.02.20**
Lawatan Persatuan Wanita PERKIM Melaka

## PAMERAN

Pameran merupakan medium penyampaian maklumat mengikut isu semasa, tema dan informasi yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pembaca dan memperkayakan ilmu pengetahuan. Berikut adalah enam (6) kategori utama pameran yang dilaksanakan oleh PLH iaitu:




Pada tahun 2020, sebanyak 76 pameran telah diadakan berbanding 37 pameran pada tahun 2019. Penurunan sebanyak 33% ini disebabkan kekangan staf yang bekerja dari rumah semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Rajah 5** Perbandingan pameran tahun 2019 dan 2020




UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Bil. | Tajuk | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | *Happy Chinese New Year* | 10.01.20 |
| 2 | *Tips For Creating Beautiful Gardens* | 14.01.20 |
| 3 | *Real Facts of Gardening* | 21.01.20 |
| 4 | Pameran Buku Penjagaan Kesihatan | 13.02.20 |
| 5 | Pameran Askar Wataniah | 06.03.20 |
| 6 | Daulat Tuanku | 22.06.20 |
| 7 | Merdeka | 21.08.20 |
| 8 | Seni Kraftangan Tradisi Sejagat | 14.09.20 |
| 9 | Membela Ikan Hobi Menyeronokkan | 23.10.20 |
| 10 | *Deepavali The Festival of Lights* | 09.11.20 |
| 11 | *World Aids Day* | 23.11.20 |
| 12 | Pameran Hari Natal | 11.12.20 |

**Jadual 13** Pameran fizikal tahun 2020



Pameran Seni Kraftangan Tradisi Sejagat



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pameran Askar Wataniah




Pameran Membela Ikan Hobi Menyeronokkan




Pameran Daulat Tuanku




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pameran Merdeka




Pameran *Real Facts of Gardening*

# PAMERAN DALAM TALIAN



















UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# AKTIVITI BANTUAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Sepanjang tahun 2020, Unit Bantuan Penyelidikan telah melaksanakan sebanyak enam (6) aktiviti utama bantuan penyelidikan dan penerbitan adalah seperti berikut:




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SESI DEMO DAN LATIHAN PANGKALAN DATA

Objektif utama sesi ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada pengguna dengan pangkalan data yang dilanggan. Antara aspek yang didedahkan merangkumi maklumat terkini, kandungan baharu, kaedah pengaksesan yang efektif dan sebagainya kepada penyelidik. Pada tahun 2020, sesi mengadakan demo dan latihan pangkalan data telah meningkat sebanyak 20% berbanding tahun 2019. Manakala jumlah pangkalan data pula mencatatkan penurunan sebanyak 20% berbanding tahun sebelumnya. Pelaksanaan demo dan latihan pangkalan data secara maya telah menyumbang kepada peningkatan penyertaan sebanyak 17% berbanding tahun 2019. Perincian maklumat adalah seperti berikut:




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Rajah 6** Perbandingan sesi, peserta dan pangkalan data tahun 2019 dan 2020

| Bil. | Pangkalan Data | Tarikh | Mod | Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Web of Science | 13.02.20 | Fizikal | 38 |
| 2 | Journal Citation Reports | | | |
| 3 | Turnitin | 25.06.20 | *Online* | 48 |
| 4 | Proquest | 02.07.20 | *Online* | 20 |
| 5 | Scopus | 14.07.20 | *Online* | 38 |
| 6 | ScienceDirect | | | |
| 7 | Ebsco | 04.08.20 | *Online* | 8 |
| 8 | IEEE Xplore | 26.08.20 | *Online* | 30 |
| **Jumlah** | | | | **182** |

**Jadual 14** Sesi demo dan latihan pangkalan data tahun 2020

## **GUIDE** TO GETTING PUBLISHED

*Guide To Getting Published* diadakan setiap dua tahun sebagai pengisian program bantuan penyelidikan kepada pengguna khususnya pascasiswazah dan penyelidik muda.

| | |
|---|---|
| **Tajuk** | ***Guide to Getting Published & The Many Gateways of Publishing With Emerald*** |
| **Tarikh \| Masa** | 21.07.20 \| 10.30 pagi hingga 12.30 tengahari |
| **Platform** | Webex |
| **Penceramah** | 1) William Loh, Pengurus Perniagaan Emerald Publishing<br>2) Dr. Muhammad Imran Qureshi, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan, UTeM |
| **Peserta** | 2 staf akademik, 5 pelajar pascasiswazah, 13 peserta luar UTeM |
| **Objektif** | • Memberi pendedahan dan bimbingan kepada penyelidik tentang proses penerbitan jurnal berwasit terbitan Emerald<br>• Meningkatkan bilangan penerbitan artikel jurnal dan lain-lain di dalam pangkalan data Emerald<br>• Menyuntik semangat penyelidikan dan inovasi dalam melonjakkan penghasilan penerbitan jurnal UTeM |



## **WEB** *OF SCIENCE FOR A SERIES*

Webinar ini telah diadakan selama tiga sesi berturut-turut. Setiap sesi mengambil masa selama 45 minit.

| | |
|---|---|
| **Tajuk** | ***Web of Science for A Series of How(s) for All Your Research Needs*** |
| **Tarikh \| Masa** | 24 - 26.08.20 \| 10.30 pagi hingga 12.30 tengahari |
| **Platform** | Webex |
| **Penceramah** | Dju-Lyn Chng, Konsultan Solusi Web of Science Group |
| **Peserta Sesi 1** | 9 staf akademik, 2 pegawai penyelidik, 4 pustakawan, 1 pelajar prasiswazah, 2 peserta luar UTeM |
| **Peserta Sesi 2** | 8 staf akademik, 1 pustakawan, 2 pelajar pascasiswazah, 1 peserta luar UTeM |
| **Peserta Sesi 3** | 8 staf akademik, 1 pustakawan, 2 pelajar pascasiswazah, 1 peserta luar UTeM |
| **Objektif** | • Kaedah terbaik dalam menghasilkan penerbitan melalui pencarian di pangkalan data Web of Science.<br>• Panduan kepada peserta untuk mengenal pasti jurnal yang terbaik di dalam Web of Science yang bersesuaian dengan manuskrip sedia ada.<br>• Strategi terbaik untuk mendapatkan rakan kolaborasi dalam penerbitan jurnal yang bermutu tinggi. |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## PUBLISHER TALK

Penganjuran Publisher Talk ini telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak *IEEE & IEEE Xplore.*

| | |
|---|---|
| **Tajuk** | ***Open Science, Open Access & Research Reproducibility*** |
| **Tarikh \| Masa** | 27 Oktober 2020 \| 2.30 hingga 3.30 petang |
| **Platform** | Webex |
| **Penceramah** | Alex Liu Yupeng, wakil *IEEE Xplore* |
| **Peserta** | 2 staf akademik, 5 pelajar pascasiswazah, 13 peserta luar UTeM |
| **Objektif** | • Perkongsian maklumat mengenai sumber-sumber maklumat terkini berkaitan dengan penerbitan artikel di dalam jurnal.<br>• Pendedahan kepada peserta dengan pembangunan terkini berkaitan Open Science, Open Access dan sumber-sumber yang berkaitan dengan Research Reproducibility. |



## RESEARCH WORKSHOP: INSIDER'S GUIDE: BRAINSTORM WITH EXPERTS

Penganjuran sesi ini adalah tepat dan seiring dengan matlamat universiti untuk meningkatkan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi di peringkat global.

| | |
|---|---|
| **Tajuk** | ***Research Workshop: Insider's Guide: Brainstorm with Experts*** |
| **Tarikh \| Masa** | 3 Disember 2020 \| 9.00 pagi hingga 1.00 petang |
| **Platform** | Webex |
| **Penceramah** | • Prof. Dr. Zahriladha Zakaria, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, UTeM<br>• Prof. Ir. Dr. Mohd Asyadi 'Azam Mohd Abid, Profesor Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, UTeM |
| **Peserta** | 13 staf akademik, 1 penyelidik pasca doktoral, 19 pelajar pascasiswazah, 2 pelajar prasiswazah dan 2 peserta luar UTeM |
| **Objektif** | • Satu inisiatif berterusan bagi suntikan semangat dalam penghasilan penyelidikan berkualiti serta mencipta inovasi dan mempunyai nilai pengkomersilan.<br>• Alternatif kepada para penyelidik muda untuk mendapatkan peluang perkongsian kepakaran daripada penceramah berkaliber dalam penghasilan penerbitan berimpak tinggi yang diiktiraf di persada dunia. |



## PERKHIDMATAN PAKEJ MAKLUMAT

Perkhidmatan Pakej Maklumat ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 bagi membantu penyelidik mendapatkan sumber maklumat yang bersesuaian untuk tujuan penerbitan. Sepanjang tahun 2020, perkhidmatan ini mencatatkan penurunan sebanyak 65% berbanding tahun 2019. Antara faktor penurunan jumlah tersebut adalah disebabkan pelajar pascasiswazah yang baharu dan penyelidik muda kurang mengetahui tentang perkhidmatan ini. Di samping itu, pelajar pascasiswazah yang sedia ada dan penyelidik berpengalaman telah mengetahui kaedah serta teknik pencarian berkesan yang berkaitan dengan penyelidikan mereka. Oleh yang demikian, Unit Bantuan Penyelidikan akan membuat penjenamaan semula perkhidmatan ini. Promosi yang berkesan turut dilaksanakan bagi menarik perhatian para siswazah dan penyelidik untuk menggunakan perkhidmatan ini secara berterusan.




**Rajah 7** Perbandingan Perkhidmatan Pakej Maklumat tahun 2016 hingga tahun 2020

## PERKHIDMATAN KONSULTASI PENYELIDIKAN

Perkhidmatan Konsultasi Penyelidikan adalah perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelajar pascasiswazah, penyelidik dan staf UTeM untuk memberi panduan berkesan dalam aktiviti penerbitan penghasilan penyelidikan yang dijalankan. Perkhidmatan ini diberikan secara bersemuka antara pustakawan dan pemohon. Natijah pandemik COVID-19, permohonan adalah berkurangan sebanyak 45% berbanding tahun 2019. Walau bagaimanapun, Unit Bantuan Penyelidikan turut menerima pertanyaan penyelidikan melalui email dan telefon. Antara konsultasi yang dilaksanakan adalah pertanyaan berkaitan status jurnal, pengiraan h-indeks, semakan profil Scopus dan Google Scholar.




**Rajah 8** Perbandingan Perkhidmatan Konsultasi Penyelidikan tahun 2019 dan 2020

## PERKHIDMATAN *ASK A LIBRARIAN*

Unit Informasi dan Promosi dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pertanyaan pengguna melalui perkhidmatan Ask A Librarian. Perkhidmatan ini merupakan salah satu medium untuk pengguna berhubung dengan PLH. Kaedah live chatting digunakan semasa komunikasi di antara pengguna PLH dan pustakawan. Pada tahun 2020, perkhidmatan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 27% berbanding tahun 2019. Peningkatan pertanyaan melalui Ask A Librarian disebabkan oleh situasi norma baharu berikutan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.




**Rajah 9** Perbandingan perkhidmatan Ask A Librarian tahun 2019 dan 2020

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Rajah 10** Pertanyaan mengikut kategori melalui Ask A Librarian tahun 2020

## *TELEGRAM* *CHANNEL* INFO PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

PLH telah mewujudkan medium komunikasi di media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan Blog untuk mempromosi, hebahan dan memaklumkan aktiviti, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Pada 29 April 2020, PLH telah mewujudkan pula INFO Perpustakaan Laman Hikmah di saluran Telegram bagi mempelbagaikan saluran komunikasi yang lebih berkesan dan cepat kepada pengguna PLH.



## PENGUNJUNG FIZIKAL & PENGGUNAAN RUANG

Pada tahun 2020, kehadiran pengguna fizikal bagi PLH Kampus Induk dan PLH Kampus Teknologi telah mencatatkan penurunan sebanyak 78% berbanding tahun 2019. Manakala penggunaan ruang pula turut menunjukkan penurunan sebanyak 79% berbanding tahun 2019. Ini disebabkan oleh penutupan kampus akibat pandemik COVID-19. Selain itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan secara dalam talian bermula pada Mac 2020.

| | 2019 | | 2020 | |
|---|---|---|---|---|
| | PLH Kampus Induk | PLH Kampus Teknologi | PLH Kampus Induk | PLH Kampus Teknologi |
| Pengunjung Fizikal | 170,722 | 48,284 | 39,319 | 8,882 |
| Penggunaan Ruang | 81,541 | 10,682 | 16,748 | 2,484 |

**Jadual 15** Perbandingan pengunjung fizikal dan penggunaan ruang mengikut kampus tahun 2019 dan 2020

## PEMINJAMAN BAHAN

Kesan langsung penutupan kampus, pinjaman bahan pada tahun 2020 telah mencatatkan penurunan sebanyak 11% berbanding tahun 2019.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**Rajah 11** Perbandingan peminjaman bahan tahun 2019 dan 2020

## PERKHIDMATAN PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

Pada tahun 2020, permohonan PLH kepada universiti awam/organisasi luar mencatatkan penurunan sebanyak 20% berbanding tahun 2019 adalah seperti berikut:

| Universiti Awam/ Organisasi Luar | Buku | | | | Artikel | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2019 | | 2020 | | 2019 | | 2020 | |
| | Permohonan | Dipenuhi | Permohonan | Dipenuhi | Permohonan | Dipenuhi | Permohonan | Dipenuhi |
| UM | 1 | 1 | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UPM | 6 | 6 | 1 | 1 | 5 | 5 | 3 | 3 |
| UKM | 8 | 8 | 3 | 3 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| UTM | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 6 | 6 |
| USM | 2 | 2 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UMP | 3 | 3 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UTHM | 6 | 4 | 0 | 0 | 9 | 9 | 3 | 2 |
| UUM | 4 | 4 | 1 | 0 | 0 | 0 | 6 | 1 |
| UPSI | 7 | 7 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UiAM | 1 | 1 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UPNM | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UMK | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| UniSZA | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| USIM | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UNIMAP | 0 | 0 | 1 | 1 | 3 | 3 | 0 | 0 |
| UNIMAS | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 3 | 0 | 0 |
| UiTM | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| UMS | 2 | 2 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 |
| Sumber Lain-lain | 13 | 13 | 8 | 8 | 227 | 227 | 216 | 216 |
| Tiada dalam koleksi Universiti Awam/ Organisasi Luar | 10 | 0 | 3 | 0 | 26 | 0 | 29 | 0 |
| **Jumlah** | **70** | **58** | **24** | **19** | **277** | **251** | **264** | **228** |

Permohonan    Dipenuhi

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Manakala permohonan bahan daripada universiti awam/organisasi luar kepada PLH juga mencatatkan penurunan sebanyak 17% berbanding tahun 2019 adalah seperti berikut:

| Universiti Awam/ Organisasi Luar | Buku | | | | Artikel | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2019 | | 2020 | | 2019 | | 2020 | |
| | Permohonan | Dipenuhi | Permohonan | Dipenuhi | Permohonan | Dipenuhi | Permohonan | Dipenuhi |
| UPM | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| UM | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UKM | 2 | 2 | 0 | 0 | 6 | 3 | 3 | 1 |
| UTM | 5 | 5 | 1 | 1 | 19 | 9 | 5 | 0 |
| USM | 0 | 0 | 1 | 0 | 36 | 27 | 10 | 3 |
| UMP | 0 | 0 | 1 | 1 | 7 | 3 | 11 | 4 |
| UTHM | 4 | 1 | 0 | 0 | 3 | 2 | 11 | 2 |
| UUM | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| UPSI | 5 | 5 | 0 | 0 | 1 | 0 | 8 | 1 |
| UiAM | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UNIMAP | 4 | 0 | 1 | 0 | 18 | 4 | 4 | 4 |
| UNIMAS | 7 | 0 | 15 | 0 | 53 | 26 | 94 | 50 |
| UiTM | 2 | 2 | 1 | 1 | 13 | 4 | 2 | 2 |
| UMS | 6 | 0 | 0 | 0 | 2 | 1 | 0 | 0 |
| UMT | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| Sumber lain-lain | 16 | 14 | 5 | 4 | 1 | 1 | 2 | 1 |
| **Jumlah** | **53** | **29** | **28** | **9** | **159** | **80** | **153** | **70** |

Permohonan    Dipenuhi

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## BI-DIRECTIONAL VISITOR COUNTER

Pada tahun 2020, Seksyen Automasi telah menguruskan perolehan alat mengukur bilangan pengunjung PLH iaitu Bi-Directional Visitor Counter (BiViC). Tujuan pelaksanaan 'BiViC' adalah untuk merekod kehadiran pengunjung dengan lebih sistematik dan komprehensif selaras dengan pengoperasian ruang 24 jam PLH pada 17 Mei 2019. Sistem ini berkeupayaan menjana data yang lengkap dengan rakaman video dan bilangan pengunjung yang keluar dan masuk ke dalam bangunan PLH sepanjang masa. Dengan menggunakan teknologi terkini stereo vision camera yang berperanan sebagai sensor untuk mengira kehadiran pengunjung secara automatik, kamera yang terdapat pada 'BiViC' membolehkan penglihatan binocular (penglihatan dwi) manusia dan berkemampuan merakam gambar dengan lebih tepat. Paparan rakaman video dan laporan statistik secara harian dan bulanan boleh didapati secara dalam talian menggunakan ID pengguna dan kata laluan.




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PENGURUSAN MEMORI KORPORAT

52

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENGUMPULAN BAHAN MEMORI KORPORAT

Unit Memori Korporat telah diwujudkan pada Jun 2019. Unit ini bertanggungjawab untuk mengumpul dan memelihara semua bahan arkib yang mempunyai nilai sejarah kepada UTeM. Sehingga 31 Disember 2020, Unit Memori Korporat telah berjaya mengumpulkan sebanyak 14,276 bahan yang merangkumi artifak/replika, cenderahati, video peristiwa/aktiviti, gambar program-program universiti, dokumen/rekod, buletin, keratan akhbar dan lain-lain bahan yang mempunyai nilai simbolisme kepada UTeM. Pada tahun 2020, perolehan bahan memori korporat telah menunjukkan peningkatan sebanyak 51% berbanding tahun 2019.

| Bahan/Tahun | 2019 | 2020 |
|---|---|---|
| Artifak/Replika | - | 4 |
| Cenderahati | 22 | 54 |
| Video peristiwa/aktiviti | 35 | 1,022 |
| Gambar peristiwa dan program universiti | 9,189 | 12,472 |
| Dokumen/rekod | 46 | 66 |
| Buku/Buletin | 150 | 566 |
| Lain-lain | 30 | 92 |
| **Jumlah** | **9,472** | **14,276** |

**Jadual 16** Bahan memori korporat tahun 2019 dan 2020

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## TEMUBUAL PENGGERAK AWAL KUTKM/UTeM

Pengumpulan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan dengan penubuhan awal KUTKM dilaksanakan melalui projek temubual dengan tenaga penggerak awal penubuhan KUTKM. Temubual ini merupakan kaedah untuk memperolehi maklumat dan informasi berkaitan dengan penubuhan KUTKM melalui pengalaman dan penceritaan oleh staf. Projek temubual ini telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan 14 orang staf dan 10 orang alumni adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama | Staf/Alumni |
|---|---|---|
| 1 | Ab. Rahim Muslim | Staf |
| 2 | Hadzli Zul Hamran | Staf |
| 3 | Siti Zurah Mohd Nasir | Staf |
| 4 | Noraida Mohd Noh | Staf |
| 5 | Zamani Salleh | Staf |
| 6 | Sharifah Intan Osman | Staf |
| 7 | Prof Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim | Staf |
| 8 | Sariman Ajis | Staf |
| 9 | Lela Omar | Staf |
| 10 | Azhar Salleh | Staf |
| 11 | Zulkarnaen Mahat | Staf |
| 12 | Norfahrizan Juhari | Staf |
| 13 | Ahmad Abu Bakar | Staf |
| 14 | Wahi Nordin | Staf |
| 15 | Rahim Selamat | Alumni |
| 16 | Salasiah Abas | Alumni |
| 17 | Murugan @ Gobal a/l Jeevajothy | Alumni |
| 18 | Zaimi Ahmad | Alumni |
| 19 | Surais Rao a/l Rama Rao | Alumni |
| 20 | Hafizul Effendi Mahadi | Alumni |
| 21 | Mohd Kamil Mohd Zahari | Alumni |
| 22 | Aidawati Zakaria | Alumni |
| 23 | Eugene Lee | Alumni |
| 24 | Haribalan a/l Ramanathan | Alumni |

**Jadual 17** Senarai temubual staf dan alumni KUTKM/UTeM



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## VIDEO DOKUMENTARI DUA DEKAD PENUBUHAN UTeM

Ulang tahun UTeM diraikan pada tarikh 01 Disember setiap tahun. Tahun 2020 merupakan ulang tahun bersejarah kerana dua dekad penubuhan UTeM. Projek penghasilan video dokumentari 20 tahun UTeM ini merupakan satu cetusan idea yang telah dipersetujui oleh semua Ahli Mesyuarat Eksekutif Bil. 6/2019. Projek kerjasama dengan Penerbit Universiti ini merupakan dokumentari yang mengimbas memori dan kenangan UTeM dalam menelusuri kecemerlangan dan kegemilangan sebagai sebuah universiti teknikal pertama di Malaysia. Pada 14 Julai 2020, telah diwujudkan Jawatankuasa Dokumentari Sambutan 20 Tahun.

## MONTAJ 20 TAHUN UTeM

Penghasilan montaj 20 tahun UTeM ini juga merupakan cetusan idea yang telah dipersetujui oleh semua Ahli Mesyuarat Eksekutif Bil. 6/2019. Lanjutan daripada keputusan majlis perasmian sambutan 20 Tahun UTeM ditangguhkan, montaj yang berdurasi 9.18 minit ini telah dimuat naik ke media sosial PLH dan Portal UTeM pada 4 Disember 2020. Sehingga 31 Disember 2020, jumlah views montaj tersebut telah melebihi 1254 views. Pautan montaj adalah seperti berikut:
***https://www.youtube.com/watch?v=KX8Z-aqcz_E***



## PERTANDINGAN KONGSI FOTO SEMPENA SAMBUTAN 20 TAHUN UTeM

Program ini merupakan satu inisiatif bagi menyokong aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pusat tanggungjawab yang lain bagi sambutan dua dekad UTeM sebagai sebuah universiti teknikal yang pertama di Malaysia. Selain itu, penganjuran pertandingan ini juga sebagai satu usaha untuk memperkasakan pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan pembangunan, kecemerlangan dan kegemilangan KUTKM sehingga ke UTeM sebagai koleksi Memori Korporat UTeM.

| | |
|---|---|
| **Tarikh pertandingan** | 03 Disember 2020 hingga 31 Januari 2021 |
| **Jumlah penyertaan** | 30 orang |
| **Jumlah foto yang dinilai** | 65 foto |
| **Juri** | Nazirul Termizi, Pereka Penerbit Universiti |
| **Pemenang/Hadiah** | Tempat Pertama: RM150<br>Syed Fazeel Shah Syed Anwar Shah<br><br>Tempat Kedua: RM120<br>Muhammad Zuhaily Zainalariffin<br><br>Tempat Ketiga: RM100<br>Ratnasaerah Azis<br><br>Tempat Keempat: RM80<br>Abdul Aziz Othman<br><br>Tempat Kelima: RM50<br>Nellie Chong<br><br>Lima Pemenang Saguhati: RM40 seorang<br>1. Ts Dr Al Amin Mohamed Sultan<br>2. Maizatul Hanim Muhammad Khairun<br>3. Muhammad Fadhil Baharuddin<br>4. Rawiyani Syazana Roslan<br>5. Azurah Ahmad |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PENGURUSAN KUALITI

57

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## DASAR KUALITI

> **"Perpustakaan Laman Hikmah komited untuk memberikan perkhidmatan secara profesional, efisien, berkualiti dan mesra pengguna dengan mengutamakan kepuasan pelanggan serta berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan."**

1. Memastikan 95% jumlah pertanyaan pengguna melalui emel rasmi Perpustakaan dijawab dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
2. Memastikan borang aduan/cadangan pelanggan yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
3. Memastikan 90% staf mencapai 42 mata CPD (Pembangunan Profesional Berterusan) .
4. Memastikan 90% bahan yang dimohon melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) diperolehi dalam masa sepuluh (10) hari waktu bekerja .
5. Memastikan 90% bahan rujukan yang diproses dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan dikeluarkan daripada Bahagian Pembangunan sumber.
6. Memastikan 5% peningkatan bilangan pengunjung fizikal dan portal Perpustakaan Laman Hikmah.
7. Memastikan keberkesanan pengoperasian Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu (LMS) mencapai 99.5%.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## OBJEKTIF KUALITI

## PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015

Tahun 2017 telah mencatat sejarah apabila PLH berjaya memperolehi pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2015 daripada SIRIM QAS International dalam skop aktiviti pengurusan perkhidmatan. Bermula tahun 2019, pelaksanaan pengauditan MS ISO 9001:2015 oleh semua pusat tanggungjawab (PTj) di UTeM kecuali Pejabat Pendaftar diletakkan di bawah Pengurusan Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti Dan Risiko, UTeM yang merangkumi dua skop Sistem Pengurusan Kualiti iaitu:

1. Penyediaan perkhidmatan pendidikan di peringkat prasiswazah & pascasiswazah dan aktiviti pengurusan penyelidikan.
2. Penyediaan perkhidmatan sokongan Pendidikan.

PLH, Pejabat Bendahari dan Pejabat Pembangunan adalah di bawah skop penyediaan perkhidmatan sokongan pendidikan.



# AKTIVITI AUDIT MS ISO 9001:2015 TAHUN 2020

| | | |
|---|---|---|
| **Perkara** | : | **Taklimat MS ISO 9001: 2015 Dan Pelaksanaan Audit Dalaman Secara *Remote* Audit** |
| **Tarikh/Masa** | : | 29 Mei 2020 \| 2.30 petang |
| **Platform** | : | Microsoft Teams |
| **Penceramah** | : | 1) Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Pengarah, PPSKR<br>2) Profesor Madya Ts. Ir. Dr. Mohd Rizal Alkahari, Timbalan Pengarah, PPSKR |
| **Peserta** | : | 61 orang staf PLH |
| **Tujuan** | : | • Mendedahkan staf kepada pengurusan kualiti dan pengurusan risiko.<br>• Memperkenalkan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015.<br>• Penerangan perlaksanaan *remote audit* ketika pandemik di UTeM. |



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## AUDIT DALAMAN MS ISO 9001: 2015 PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

- Tarikh : 11 - 24 Jun 2020
- Mod: *Remote Audit*
- Masa: 8.30 pagi - 5.00 petang
- Ketua Juru Audit:
  Nadiah Zainal Abidin
- Juru Audit:
  1) Ts. Nor Mas Aina Md. Bohari
  2) Dr. Noor Badariah Asan

## AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001: 2015 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL

- Tarikh : 30 Disember 2020
- Mod: *Remote Audit*
- Masa: 8.30 pagi - 5.00 petang
- Juru Audit:
  1) Mariam Mohamed Zin

# PENGURUSAN BAKAT

61

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KURSUS/BENGKEL – SKIM S (PERPUSTAKAAN)

Latihan dan pembangunan karier adalah elemen penting dalam meningkat dan memperkasa kemahiran, sikap dan pengetahuan staf di PLH. Berikut adalah kursus anjuran Unit Latihan & Penjanaan, Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar:

**1**

**KURSUS "HAYYA'ALA AL-FALAH" - SKIM S (PERPUSTAKAAN)**

7-8 September 2020
Bilik Tayang, PLH

Anjuran:
Unit Latihan & Penjanaan,
Bahagian Pembangunan Bakat,
Pejabat Pendaftar

**2**

**KURSUS ASAS PENGURUSAN & PENGANALISAAN DATA SERTA PENYEDIAAN INFOGRAFIK**

14-15 September 2020
Bilik Pangkalan Data, PLH

Anjuran:
Unit Latihan & Penjanaan,
Bahagian Pembangunan Bakat,
Pejabat Pendaftar

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KURSUS "HAYYA'ALA AL FALAH"

| | |
|---|---|
| **Penceramah :** | 1) Luqman Hakim Noor Azmi<br>2) Izham Abd Razak<br>3) Muhammad Iskandar Shah Ab Ahmid<br>4) Mohd Fauzee Mohamed<br>5) Mohamad Yusof Mohamad Dan |
| **Peserta :** | 53 orang staf PLH, 4 orang staf Penerbit Universiti, 1 orang staf Pejabat Ketua Pegawai Maklumat |
| **Tarikh :** | 7 hingga 8 September 2020 |
| **Objektif :** | • Meningkatkan kesedaran dan matlamat staf untuk memperolehi kebahagiaan, kesejahteraan, kejayaan dan kemenangan kepada diri sendiri, organisasi, masyarakat dan insan. |
| | • Menanam sikap bekerjasama sesama staf untuk kecemerlangan di tempat kerja dan PLH. |



# KURSUS ASAS PENGURUSAN & PENGANALISAAN DATA

| | |
|---|---|
| **Penceramah :** | Dr. Fam Soo Fen, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan |
| **Peserta :** | 20 orang staf Perpustakaan Laman Hikmah |
| **Tarikh :** | 14 hingga 15 September 2020 |
| **Objektif :** | • Mempelajari teknik-teknik penyediaan infografik untuk berkomunikasi dengan orang awam secara penyampaian penceritaan berfakta dan bersahaja. |
| | • Menyedia dan melengkapkan barisan Skim S (Perpustakaan), penyelia, kumpulan pengurusan dan profesional ke arah penyediaan "Big Data Analytics". |



# AKTIVITI BERIMPAK

65

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# BENGKEL PENILAIAN & PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN PLH

| | | |
|---|---|---|
| **Penceramah** | : | Dr. Mohd Fauzi Kamarudin, Dekan, Pusat Pembelajaran Bahasa |
| **Fasilitator** | : | 1) Siti Saluwa Jamal<br>2) Harulrizam Mohamed<br>3) Mohd Mawardi Badruddin |
| **Tarikh** | : | 23 hingga 24 November 2020 |
| **Peserta** | : | 19 orang staf Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan 4 orang pelajar praktikal |
| **Objektif** | : | • Menilai, memantapkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan maklumat dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan.<br>• Kesiagaan staf dengan kemahiran maklumat yang bersesuaian sebagai *frontliner* perpustakaan seiring dengan norma baharu pada masa kini. |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA









# BENGKEL PEMURNIAN DASAR DAN GARIS PANDUAN REPOSITORI INSTITUSI UTeM

| | |
|---|---|
| **Pembentang :** | 1) Arman Mohammad<br>2) Wizana Abd. Jalil<br>3) Hasliza Mohamed<br>4) Nor Ilyah Othman |
| **Tarikh :** | 17 November 2020 \| 9.00 pagi hingga 4.30 petang |
| **Peserta :** | 12 orang Ahli Jawatankuasa Institusi Repositori UTeM |
| **Objektif :** | Mengemaskini dan menyemak semula dasar sedia ada mengikut keperluan semasa untuk proses semakan Pejabat Undang-Undang. |






UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# TAKLIMAT KESEDARAN PENGGUNAAN TENAGA

| | | |
|---|---|---|
| **Pembentang** | : | Ts. Dr. Mohamad Fani Sulaima, Pengurus Tenaga UTeM |
| **Tarikh** | : | 10 Disember 2020 |
| **Peserta** | : | Staf Perpustakaan Laman Hikmah |
| **Objektif** | : | Memberi kesedaran kepada semua staf bahawa pentingnya penjimatan tenaga elektrik di setiap PTj yang melibatkan tiga komponen utama iaitu pengetahuan, pandangan dan tindakan mereka. Ini adalah untuk menyemai amalan cekap tenaga bagi mengelak pembaziran elektrik yang tidak sepatutnya berlaku. |



# AKTIVITI SEMAKAN STOK BAHAN 2020

| | |
|---|---|
| **Tarikh :** | 24 Ogos 2020 hingga 2 Oktober 2020 |
| **Kaedah :** | Julung kali menggunakan sistem KOHA 'Development' sebagai mekanisme pengiraan bahan yang lebih efektif dan efisien yang melibatkan koleksi PLH sebanyak 146,034 naskhah iaitu data hingga 25 Ogos 2020. |
| **AJK :** | 1 Siti Saluwa Jamal – Timbalan Pengerusi/Penyelaras<br>2 Nooraidillah Rasdi – Setiausaha dan pendokumentasian pemantauan<br>3 Norhairol Khalid – Senarai koleksi pemantauan<br>4 Nor Aini Md Jali – Pembahagian kumpulan jadual & pemantauan<br>5 Nor Ilyah Othman – Ketua pemantauan, penemuan & cadangan penambahbaikan<br>6 Mez Zelina Yusof – Penganalisaan, laporan akhir dan pembentangan |
| **Objektif Utama :** | • Membuat semakan kuantiti bahan sedia ada selari dengan jumlah senarai bahan PLH yang direkodkan dalam sistem KOHA.<br>• Mengenalpasti bahan yang tidak dapat dikesan di dalam Perpustakaan untuk dijejaki kembali bagi mengelakkan risiko kehilangan. |



PEMBUDAYAAN ILMU

70

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## “READ@UNI”

PLH sebagai gedung ilmu kepada warga universiti komited dan menyokong program “Read@Uni” yang telah diperkenalkan pada tahun 2018 dengan slogan “With Knowledge We Lead”. Manakala di peringkat UTeM, program ini telah dilancarkan secara rasmi pada 24 Oktober 2019 oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc. Antara objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan budaya membaca dan cintakan ilmu di kalangan warga universiti. Selain itu, program ini dapat melahirkan masyarakat berpengetahuan dan minda kelas pertama. PLH telah menubuhkan jawatankuasa pelaksana “Read@Uni” yang berperanan menggerakkan aktiviti membaca secara strategik, menyebarkan dan mempromosikan program ini kepada warga universiti yang sejajar dengan kempen Dekad Membaca Kebangsan (DMK) 2021-2030.

Pada tahun 2020, peningkatan sangat ketara bagi aktiviti yang dilaksanakan iaitu sebanyak 335% berbanding 34 aktiviti dilaksanakan pada tahun 2019. Senario pandemik COVID-19 merupakan faktor utama yang telah mengubah landskap dan mencipta norma baharu dalam melaksanakan aktiviti “Read @Uni”. Mekanisme secara maya menjadi dominan dan pilihan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti ini. Berikut adalah tujuh (7) kategori utama aktiviti “Read@Uni” iaitu:






**Rajah 12** Perbandingan aktiviti Read@Uni mengikut kategori tahun 2019 dan 2020

## ‘TALKSHOW@LIBRARY’

Penganjuran ‘Talkshow@Library’ bermatlamat untuk memperkasakan hubungan kerjasama antara PLH dengan agensi kerajaan dan swasta. Selain itu, program ini menonjolkan keterlihatan PLH sebagai pusat rujukan setempat bagi kemakmuran dan kesejahteraan komuniti terutamanya dalam aspek perkongsian maklumat, kepakaran dan khidmat nasihat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) sesi ‘Talkshow@Library’ telah dianjurkan dengan peningkatan yang ketara bagi kehadiran peserta sebanyak 142% berbanding 396 peserta pada tahun 2019. Kesan langsung pandemik telah mewujudkan aktiviti ini dilaksanakan secara hibrid seperti berikut:

| Bil. | Tajuk | Tarikh | Mod | Kehadiran Peserta | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Dalam UTeM | Luar UTeM | Jumlah |
| 1 | Tragedi Berdarah *Christchurch, New Zealand* | 09.01.20 | Fizikal | 146 | 114 | 260 |
| 2 | *The Unsung Hero* | 11.03.20 | Fizikal | 108 | 103 | 211 |
| 3 | *Clash of The COVID-19D 2020 Living With The Unseen: A Perspective (Webinar)* | 14.10.20 | *Online* | 86 | 7 | 93 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | | **340** | **224** | **564** |

**Jadual 18** ‘Talkshow@Library’ tahun 2020




**Rajah 13** Perbandingan peserta 'Talkshow@Library' tahun 2019 dan 2020




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA






## SEMBANG **BUKU BERSAMA PENULIS**

Penganjuran Sembang Buku Bersama Penulis ini bertujuan untuk menggalakkan warga UTeM khususnya dan komuniti luar amnya dalam membudayakan amalan membaca. Budaya membaca ini turut menyokong aspirasi dan agenda Kerajaan dalam merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat dan melahirkan lebih ramai ilmuan di kalangan masyarakat Malaysia. Pada tahun 2020, dua (2) sesi Sembang Buku Bersama Penulis telah diadakan secara dalam talian seperti berikut:

| Bil. | Tajuk | Tarikh | Kehadiran Peserta | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Dalam UTeM | Luar UTeM | Jumlah |
| 1 | Jom Bisnes | 13.08.20 | 65 | 2 | 67 |
| 2 | Pengurusan Sitasi Ilmuwan Cemerlang | 18.11.20 | 52 | 8 | 60 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 117 | 10 | 127 |






# JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Program Jom Baca Bersama 10 Minit diadakan pada setiap tahun bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia (World Book and Copyright Day) yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini bertujuan memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia yang dimulai dengan langkah awal selama 10 minit pada hari tersebut sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan. PLH juga tidak terkecuali mengambil peluang ini dengan menyahut seruan Program Jom Baca Bersama 10 minit dari rumah masing-masing kerana masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Berikut adalah penyertaan staf PLH bersama keluarga ketika program ini berlangsung:



## 'SAYA TAHU, SAYA KONGSI'

PLH mengambil inisiatif menganjurkan aktiviti 'Saya Tahu, Saya Kongsi' sempena Read@Uni peringkat UTeM bagi tahun 2020. Aktiviti ini membongkar bakat dan kemahiran staf dalam bidang-bidang tertentu. Setiap staf yang dipilih akan berkongsi maklumat, pengalaman, tatacara dan menunjukkan demo tajuk yang dipilih. Video ini dimuat naik dalam media sosial PLH adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama | Tajuk | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Nor Aini Md. Jali | Resepi Asam Pedas Melaka | 3/9/2020 |
| 2 | Aswanzie Abbyd Zainal Abidin | Teknik Laungan Azan | 3/9/2020 |
| 3 | Nik Syukran Muiz Rashid | Teknik *'Breeding'* Ikan Laga | 7/9/2020 |
| 4 | Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor | Teknik Pernafasan Menghilangkan *Stress* | 8/9/2020 |
| 5 | Dr. Yusmady Mohamed Arifin | Teknik Asas Mempertahankan Diri | 10/9/2020 |
| 6 | Ahmad Tarmizi Abdul Hadi | Teknik Membuat Rehal | 2/10/2020 |
| 7 | Zuraidah Amar | Teknik Menjahit Pelitup Muka Fabrik | 13/10/2020 |
| 8 | Ir. Dr. Anuar Mohamed Kassim | Teknik Penanaman Hidroponik | 21/10/2020 |
| 9 | Muhammad Afiz Ahmad | Teknik Asas *Rugby* | 25/10/2020 |

**Jadual 19** Senarai aktiviti 'Saya Tahu, Saya Kongsi'

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




























UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## RESENSI BUKU

Sempena pelaksanaan Read@Uni peringkat UTeM bagi tahun 2020, aktiviti Resensi Buku telah dilaksanakan yang bermula pada Mac hingga Ogos 2020. Aktiviti ini melibatkan staf terpilih dari pelbagai peringkat dan jawatan. Staf yang terlibat akan memilih sendiri buku yang akan diulas yang merangkumi aspek identiti buku, isi kandungan, rekomendasi dan sebagainya. Buku yang dipilih adalah bebas dan konsep penyampaian resensi juga adalah secara santai. Setiap ulasan dirakam dan dimuat naik dalam media sosial PLH. Senarai Resensi Buku adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama | Tajuk |
|---|---|---|
| 1 | Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor | *Wealth Creation From Commercialisation of R&D Products: Real Life Experiences of Malaysia Researchers* |
| 2 | Dr. Fam Soo Fen | i. *Technopreneurship Statistics*<br>ii. Asas Pembudayaan Keusahawanan<br>iii. *Business Statistics*<br>iv. *Total Productive Maintenance (TPM) In Malaysian Electronic Components And Boards Industry* |
| 3 | Profesor Madya Dr. Mariam Md Ghazaly | *How To Be A Productivity Ninja* |
| 4 | Dr. Norun Najjah Ahmat | Asas-Asas Fiqah Untuk Orang Awam |
| 5 | Profesor Madya Ts. Dr. Umar Al-Amani Haji Azlan | i. *Leadership Secrets*<br>ii. *Management Secrets* |
| 6 | Ts. Dr. Ruziah Ali | Anjakan Paradigma Mendepani Cabaran Alumni UTeM |
| 7 | Azman Hj. Ayup | Misi Bebas Hutang: Zero Hutang 2.0 |
| 8 | Ts. Dr. Norfariza Ab Wahab | Membaca: Motivasi & Kaedah |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jadual 20** Senarai aktiviti resensi buku


RESENSI BUKU
Tonton @
SESI PERKONGSIAN AKTIVITI MEMBUDAYAKAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA
Leadership secrets
Management secrets
Statistics
ASAS-ASAS FIQAH ORANG AWAM
SUBSCRIBE
LESTARI
Zaini Ujang
Anjakan PARADIGMA MENDEPANI CABARAN ALUMNI UTeM

# JALINAN KOMUNITI

80

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PUSAT SUMBER SEKOLAH KEBANGSAAN PAYA RUMPUT, MELAKA

PLH telah mengadakan program khidmat masyarakat di Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Paya Rumput bermula 4 hingga 6 Ogos 2020. Seramai 24 orang staf PLH, 7 orang guru dan 20 orang Pengawas Pusat Sumber telah terlibat dalam program tersebut.

Objektif utama program adalah untuk membantu sekolah tersebut melakukan persediaan menyertai pertandingan Anugerah Pusat Sumber Cemerlang di peringkat negeri dan kebangsaan pada tahun 2020.

Selain itu, program ini merupakan sumbangan PLH kepada pengurusan sekolah dalam memberikan khidmat nasihat dan bantuan dalam memastikan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dapat diuruskan secara sistematik dan efisien bagi membantu mempertingkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut. Program ini juga merupakan salah satu aktiviti bagi mendekatkan warga PLH dan UTeM bersama komuniti sekitar, di samping kesedaran keperluan tanggungjawab sosial ke atas komuniti setempat.



# PUSAT SUMBER SEKOLAH IBNU KHALDUN, SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI UDANG, MELAKA

Pada 26 hingga 27 Ogos 2020, PLH telah menganjurkan program khidmat masyarakat iaitu projek komuniti Pusat Sumber Sekolah (PSS) Ibnu Khaldun, Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, Melaka. Objektif penganjuran program ini adalah untuk memupuk jalinan kerjasama antara PLH dan komuniti setempat. Selain itu, program ini dapat membantu mewujudkan keceriaan PSS Sekolah Kebangsaan Sungai Udang dengan lebih menarik agar guru dan pelajar dapat manfaat dengan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dan santai. Seramai 35 orang staf PLH telah terlibat dengan projek ini dan dibantu oleh guru-guru Sekolah Kebangsaan Sungai Udang dengan penuh komited.

Pengisian aktiviti pada hari pertama dilaksanakan dengan kerja-kerja pembersihan ruang mengecat dinding dan siling PSS. Manakala pada hari kedua pula, kerja-kerja dekorasi ruang telah dilaksanakan dengan memasang kertas dinding, menambah aksesori dan menata rias ruang. Turut diadakan slot 'Pustakawan Muda' yang disampaikan oleh Pustakawan Kanan PLH, Puan Hasliza Mohamed kepada 25 orang Pengawas PSS. Peserta diberi pendedahan berkaitan pengoperasian dan pengurusan perpustakaan atau pusat sumber yang cekap dan efisien.

Seterusnya pada sebelah petang, telah diadakan Facebook Live dengan sesi 'Bicara Santai' oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, Encik Roslan Abu Bakar dan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PLH, Encik Azman Hj Ayup. Sesi ini membicarakan isu-isu tentang keperluan kerjasama strategik antara perpustakaan dengan pusat sumber sekolah, cabaran sekolah dan institusi pengajian tinggi dalam menghadapi teknologi terkini dan Revolusi Industri 4.0. Kemuncak acara adalah perasmian penutup yang telah disempurnakan oleh Encik Azman Hj. Ayup dengan tayangan montaj sepanjang dua hari aktiviti tersebut berlangsung. Program ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati di antara kedua belah pihak.

UTeM
اونيۏرسيتي تيکنيکل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA










UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Khidmat sosial PLH UTeM dekati warga sekolah

By **Liana Sahabudin** - September 25, 2020

216 0



*ANTARA aktiviti dilakukan pada program khidmat masyarakat dan kongsi kepakaran bersama PSS di negeri ini.*

DURIAN TUNGGAL 25 Sept. – Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melaksanakan program khidmat masyarakat dan kongsi kepakaran bersama Pusat Sumber Sekolah (PSS) di negeri ini.

Ia melibatkan dua Pusat Sumber iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Rumput dan SK Sungai Udang, baru-baru ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan Laman Hikmah UTeM Azman Ayup berkata program itu mendekatkan warga PLH bersama komuniti sekitar sebagai tanggungjawab sosial.

"Ini sumbangan PLH UTeM kepada pengurusan sekolah dengan memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam memastikan PSS dapat diuruskan secara sistematik dan efisyen.

"Ia sekali gus membantu meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut," katanya.

Azman berkata, pihaknya turut membantu sekolah tersebut melakukan persediaan dalam menyertai pertandingan Anugerah Pusat Sumber Cemerlang di peringkat negeri dan kebangsaan tahun ini.

"Kita juga anjurkan sesi bicara santai @ fb live mengenai kerjasama antara perpustakaan, cabaran dalam arus semasa serta teknologi dan gaya berkaitan Revolusi Industri 4.0 di peringkat pengajian tinggi dan sekolah," katanya lagi.

**Sumber :** Melaka Hari Ini 25/09/20

# NORMA BAHARU

85

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## NORMA BAHARU PLH

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengiktiraf wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Negara Malaysia tidak terkecuali berdepan dengan pandemik ini. Landskap Perpustakaan Laman Hikmah juga telah berubah dengan pelaksanaan norma baharu. Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menerapkan penjagaan daripada penularan jangkitan COVID-19 dan keselamatan kepada pengguna lain telah dilaksanakan di PLH. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), PLH ditutup sementara waktu kepada pengguna. PLH hanya beroperasi secara maya yang berfokus kepada pengaksesan sumber rujukan digital seperti pangkalan data, e-jurnal, e-buku dan sebagainya. Manakala perkhidmatan Program Literasi Maklumat dan perkhidmatan Konsultasi Penyelidikan dijalankan secara dalam talian kepada pelajar pascasiswazah dengan menggunakan aplikasi Webex. Pertanyaan pengguna pula disalurkan di platform email Perpustakaan Laman Hikmah, Ask A Librarian dan media sosial.

Latihan dan demo pangkalan data turut diadakan secara dalam talian. Penganjuran pelbagai webinar oleh penerbit dan pembekal pangkalan data sangat relevan dan membantu warga universiti khususnya kepada pelajar pascasiswazah dan akademia untuk meneruskan penghasilan penerbitan yang berimpak tinggi semasa dalam situasi pandemik ini. Ruang pengguna, kaunter, bilik, lif, kerusi, meja dan sebagainya telah dilabelkan garisan jarak fizikal bagi mematuhi SOP dan keselamatan pengguna terjamin. Manakala buku yang dipulangkan oleh pengguna akan dikuarantinkan selama 24 jam sebelum disusun semula di rak. Ini bagi memastikan proses penyahkuman berlaku. Pengguna juga perlu mematuhi norma baharu ketika masuk dan berada di PLH:

1) Memakai pelitup muka
2) Mengambil suhu badan pengguna dengan menggunakan peralatan kamera pengesan suhu
3) Mengimbas QR Code MySejahtera
4) Sanitasi tangan
5) Mematuhi penjarakan fizikal (1 meter)

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Memakai Pelitup Muka & Thermal Imager





Merekod Butiran Pengguna & Sanitasi Tangan




Mematuhi Penjarakan Fizikal (1 Meter)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




Norma Baharu @ PLH

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# JAWATANKUASA PENERBITAN

89

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Penasihat**
Azman Hj. Ayup

**Ketua Editor**
Rasida Abu Bakar

**Editor**
Nurul Akmar Mehat

**Pembaca Pruf**
Norshahila Che Din

**Rekabentuk dan Grafik**
Norhairol Khalid
Mohd Siddiq Azizi Jais

**Jurufoto**
Zulkarnaen Mahat

**Sidang Pengarang**
Siti Saluwa Jamal
Arman Mohammad
Mahadir Che Ali
Fauziah Hassan
Wizana Abd Jalil
Mez Zelina Yusof
Hasliza Mohamed
Suhadawati Ahmad
Mohd Mawardi Badruddin
Harulrizam Mohamed

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Perpustakaan Laman Hikmah
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100
Durian Tunggal, Melaka.
Phone: +6062701200
Fax: +6062701039
Email: lamanhikmah@utem.edu.my